

23 OCT 1998

BELANJAWAN-PINJAMAN SEMULA/I

PENGECUALAIN DUTI SETEM KE ATAS KEMUDAHAN PEMBIAYAAN SEMULA PINJAMAN

KUALA LUMPUR, Okt 23 (Bernama) -- Sebagai langkah untuk menggalakkan lagi aktiviti perniagaan di negara ini, kerajaan hari ini mengumumkan pengecualian duti setem ke atas suratcara pembiayaan semula pinjaman berkaitan dengan pinjaman berterma.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa membentangkan cadangan Belanjawan 1999 hari ini berkata, cadangan itu akan mengurangkan kos berniaga dan meringankan bebanan para peminjam yang berhasrat untuk membuat pinjaman semula bagi membiayai aktiviti perniagaan dan perdagangan.

Katanya, bagaimanapun, cadangan itu yang berkuat kuasa mulai 24 Okt, 1998, adalah tertakluk kepada beberapa syarat.

Sambil berkata bahawa kemudahan pembiayaan semula itu merupakan pinjaman berterma bagi tujuan membiayai pinjaman asal, tegasnya bahawa pembiayaan semula bagi tujuan membiayai kemudahan overderaf dan bagi modal kerja tidak layak untuk mendapat pengecualian duti setem.

Dr Mahathir juga berkata bahawa pengecualian itu adalah terhad kepada baki pinjaman asal yang perlu dibiayai semula dan bagi pinjaman semual secara "syndication", jumlah pinjaman semula yang diberi oleh setiap bank perlu dinyatakan di dalam perjanjian pinjaman semula.

Pada masa ini, suratcara pinjaman dikenakan duti setem sebanyak RM2.50 bagi setiap RM500 seperti ditetapkan di bawah Jadual Pertama Akta Setem 1949.

Pembiayaan semula pinjaman bagi tujuan membiayai pinjaman asal perlu juga diadakan perjanjian pinjaman yang dikenakan duti setem.

-- BERNAMA

DVS SHY OS